

MEMAHAMI MASALAH STRES DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PINTAR CERDAS BERBAKAT

Contributing Factors to Stress amongst Gifted and Talented Children

Nor Aimi Harun

aimyallyia@yahoo.com.my

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami masalah stres dalam kalangan kanak-kanak Pintar Cerdas Berbakat. Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif kajian kes Intrinsik. Subjek kajian adalah seorang kanak-kanak yang telah dikenal pasti sebagai kanak-kanak berbakat berdasarkan Ujian Pencapaian IQ, dan Senarai Semak Guru. Pengumpulan data adalah berdasarkan temu bual, rujukan dokumen dan pemerhatian di lokasi. Dapatan kajian menunjukkan masalah Kecelaruan Tekanan Stres Pascatraumatik (*Post Traumatic Stress Disorder-PTSD*) dan Masalah *Mood (Mood Disorders)* merupakan symptom stres. Dapatan juga menunjukkan faktor sendiri seperti gelaran 'gifted' merupakan penyumbang stres kepada kanak-kanak pintar cerdas berbakat. Hasil dapatan ini membolehkan langkah pro aktif dapat segera dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.

Kata kunci: Strategi Daya Tindak, Stres, *Intelligence Quotient (IQ)*.

Received: 14 November 2017

Revised: 16 August 2018

Accepted: 24 August 2018

ABSTRACT

This study aims to understand the problem of stress among gifted and talented children. This is a qualitative intrinsic research. The gifted and talented child was identified based on the IQ Achievement test and from the Teacher's List. The data collected is based on interviews, reference documents, and through observations on location. The findings show that Post Traumatic Stress Disorder (PTSD) and Mood Disorders Problems are symptom stress. The finding also shows that self-factor as 'gifted' contributing stress to the intelligent talented children ability. This finding would enable to find proactive ways to solve the problem.

Keywords: *Coping Skills, Stress, Intelligence Quotient (IQ).*

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kebelakangan ini, kehadiran golongan pintar cerdas dan berbakat seolah-olah telah menjadi satu fenomena. Pembentukan persepsi masyarakat menjurus kepada andaian bahawa golongan pintar cerdas adalah golongan istimewa yang mempunyai suatu kebolehan yang teratas berbanding dengan rakan yang lain, dan seringkali mendapat sokongan dari keluarga, komuniti dan pendidikan yang terbaik (Sampson, 2013). Namun sejarah telah membuktikan bahawa ramai kanak-kanak berbakat mengalami kesukaran dan kegagalan dalam kehidupan mereka (Ozcan dan Kotek, 2014). Negara pernah digemparkan dengan berita sensasi yang telah menjadi isu masyarakat apabila golongan pintar cerdas dan berbakat seperti Sufiah, seorang pelajar Universiti Harvard yang telah menjadi pelacur (Dolan, 2008), dan Adi Putra yang menolak sistem persekolahan umum akibat berasa bosan (KOSMO, 2008). Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat turut mengalami kerosakan psikologi dan penguncupan potensi sekiranya tidak diberi perhatian khusus yang bersesuaian (Eva, 2015).

Kanak-kanak Pintar Cerdas dan Berbakat merujuk kepada pencapaian tahap *Intelligence Quotient (IQ)* melepasi aras 120, dan mempunyai kapasiti tahap pemikiran yang luas dan tinggi (Seeley, 1998), (Altintas dan Ilgun, 2016), (Fernández, García, Gundín, Vázquez, dan Rodríguez, (2017). Menurut Forno, Bahia, dan Veiga (2015), cara terbaik untuk mengenal pasti pintar cerdas adalah berdasarkan pencapaian yang tinggi dalam sesuatu bidang melalui rujukan guru, ibu bapa, dan disokong data dari ujian IQ (Bildiren, 2018).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini melihat dan merungkai permasalahan stres yang mengganggu perjalanan kecemerlangan kanak-kanak pintar cerdas yang mengalami masalah emosi dan tingkah laku. Berdasarkan penyelidikan awal yang telah dijalankan, kanak-kanak tersebut menunjukkan simptom-simptom seperti kemurungan, sensitif, hilang minat, kurang aktif, kerap bertukar sekolah, dan suka mengasingkan diri. Prestasi akademik kanak-kanak tersebut juga menurun dan lebih mengejutkan apabila kanak-kanak tersebut

mempunyai kecenderungan untuk mencederakan orang lain. Kennedy dan Farley (2018), telah mengingatkan bahawa ramai kanak-kanak pintar cerdas mengalami masalah *below-average achievement*. Mereka amat memerlukan bantuan dan perhatian untuk berkembang (Sampson, 2013).

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui sama ada kanak-kanak pintar cerdas mengalami masalah stres dan apakah faktor penyumbanganya.

2.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

- a. Mengenal pasti tahap stres dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas.
- b. Mengenal pasti faktor penyumbang stres kanak-kanak pintar cerdas.

2.2 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian berikut dikemukakan.

- a. Apakah tahap stres dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas ?
- b. Apakah faktor penyumbang stres kanak-kanak pintar cerdas?

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk Kualitatif kerana bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian untuk mengetahui sama ada kanak-kanak pintar cerdas mengalami stres dan apakah tahap stres, serta simptom yang ditunjukkan. Menurut Braun dan Clarke (2013), penyelidikan berbentuk kualitatif dapat melihat fenomena daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza, di mana setiap perspektif dikesan dengan menggunakan kaedah yang berlainan. Manakala Fraenkel dan Wallen (2000), Ghazali dan Sufean (2016) merujuk kajian kualitatif sebagai memahami secara terperinci punca sesuatu fenomena.

Persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan bertujuan, iaitu penyelidik secara khususnya memilih individu atau lokasi yang telah dikenalpasti secara khusus untuk memahami suatu fenomena (Creswell, 2005). Faktor pemilihan sampel bertujuan adalah berdasarkan persampelan Kes Kritikal. Persampelan Kes Kritikal digunakan bertujuan untuk memahami secara mendalam tentang masalah serius yang dihadapi oleh seorang kanak-kanak berbakat. Menurut Braun dan Clarke (2013), persampelan Kes Kritikal sesuai digunakan apabila kajian dilakukan ke atas kes-kes spesifik yang melibatkan individu atau kumpulan yang unik.

Persampelan kajian ini hanya menjurus kepada seorang kanak-kanak yang telah dikenal pasti sebagai seorang kanak-kanak pintar cerdas berdasarkan skor senarai semak Pintar Cerdas yang telah mencapai tahap IQ 164 (IQ164- *Ravens Advanced Progressive Matrices Scale*) melalui ujian oleh MENSA, berbanding tahap asas penetapan pintar cerdas pada aras IQ120 berdasarkan skala Stanford-Binet (Galbraith dan Delisle, 1996).

3.1 Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah temu bual mendalam, analisis dokumen, dan pemerhatian dilakukan terus ke lokasi kajian. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan metod temu bual mendalam semi struktur yang skopnya telah ditentukan terlebih dahulu. Penyelidik telah menyediakan format temu bual yang dijadikan panduan agar tidak lari dari skop persoalan mahu pun objektif kajian. Penyelidik juga membuat analisis dokumen, dan memastikan dokumen yang diperolehi adalah tepat, tiada *bias* pengarang. Dokumen yang telah dikenal pasti dan dipakai akan dikodkan. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian di mana peristiwa semula jadi dipilih, dicatat, dikod ke dalam unit-unit bermakna berdasarkan kepada keperluan dan lokasi dengan menyusuri (*shadowing*) setiap aktiviti yang dilakukan tanpa menimbulkan sebarang unsur tekanan kepada responden.

3.2 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pemilihan sampel berdasarkan sampel bertujuan (*purposeful sampling*), iaitu penyelidik secara khususnya memilih individu atau lokasi yang telah dikenal pasti secara khusus untuk memahami suatu fenomena (Creswell, 2005). Sampel kajian ini hanya dipilih berdasarkan kriteria kanak-kanak pintar cerdas berdasarkan skor Senarai Semak Pintar Cerdas. Asas penetapan definisi pintar cerdas adalah berdasarkan tahap IQ 120 ke atas (Merriam-Webster's Collegiate Encyclopedia (2000), Forno, Bahia, Veiga (2015), (Altintas dan Ilgun, 2016), (Fernández, García, Gundín, Vázquez, dan Rodríguez, (2017). Sampel kajian ini adalah seorang kanak-kanak pintar cerdas dengan pencapaian tahap IQ 164 (MENSA - *Ravens Advanced Progressive Matrices Scale*). Faktor pemilihan sampel bertujuan adalah berdasarkan persampelan kes kritikal dan unik. Persampelan kes kritikal dan unik dalam kajian ini adalah merujuk kepada kekurangan populasi sampel yang mencapai aras IQ164. Hal ini berdasarkan nisbah dalam skala *Raven Progressive Matrices*, tahap ukuran IQ 155-179 adalah di peringkat luar biasa dan kadar populasi adalah 1: 1000 (Sattler, 2001); MENSA Malaysia (2010), manakala Skala *David Wechsler* meletakkan IQ 160-179 bagi 1: 10,000 orang (Seeley, 1998)

4.0 ANALISIS DATA

Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan program analisis *Nvivo*. Penggunaan program *Nvivo* memudahkan penyelidik menguruskan data dan pencarian semula. Creswell, (2005) menyatakan penggunaan program analisis komputer memudahkan penyimpanan dan menyusun data serta melabel dan pengekodan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

a. Apakah tahap stres dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas?

Dapatan bagi persoalan utama menunjukkan kanak-kanak pintar cerdas telah mengalami stres. Keputusan dari Ujian dari Skala Pengukuran Stres Holmes dan Rahe yang ditadbirkan kepada sampel tersebut mencatatkan tahap skor 213 mata. Skor tersebut jika disandarkan kepada jadual Skor dan Risiko Stres Holmes dan Rahe (jadual 1.0) menunjukkan bahawa sampel mengalami stres dan tahap stres yang dialami adalah diperingkat berisiko terhadap penyakit. Dari ujian skala ini jelas membuktikan bahawa kanak-kanak berbakat tersebut menghadapi stres.

Jadual 1: Jadual Skor dan Risiko Stres

Skor	Risiko
Skor 150	Sedikit risiko terhadap penyakit
Skor 150-199	Risiko penyakit adalah serdahana.
Skor 200-299	Berisiko terhadap penyakit
Skor 300 ke atas	Amat berisiko terhadap penyakit.

Sumber: Rice (1992).

b. Apakah faktor penyumbang stres kanak-kanak pintar cerdas?

i. Faktor Kendiri

Hasil kajian telah mendapati faktor kendiri sebagai salah satu penyumbang stres kepada kanak-kanak pintar cerdas.

Pecahan faktor kendiri yang menjadi penyumbang stres bagi sampel dalam kajian ini adalah gelaran pelajar berbakat, atau lebih eksklusif 'pelajar *gifted*'. Penglabelan sebagai kanak-kanak berbakat membawa maksud sebagai 'memerlukan perhatian yang khusus' dan ianya secara tidak langsung telah

memberi kesan terhadap konsep-kendiri, sikap dan tingkah laku beliau. Hal ini kerana terma *gifted* membawa konotasi sebagai berkebolehan khusus, sangat berkebolehan, atau mempunyai kebolehan yang tinggi. Penglabelan sebagai ‘pelajar *gifted*’ telah membawa tekanan kepada responden kerana idea ‘berbakat’ telah membentuk persepektif yang menyimpang apabila beliau dianggap sebagai *the little professor* di sekolah. Tanggapan yang mengandaikan bahawa pelajar pintar cerdas suka digelar ‘pelajar *gifted*’ adalah salah dan tidak mengembirakan. Penglabelan tersebut secara tidak langsung telah membentuk sempadan yang ganjil dan memberi tekanan kepada beliau. Hakikatnya, kanak-kanak berbakat tidak mahu dianggap mempunyai kebolehan istimewa atau berbeza dengan kelompok rakan-rakan yang lain.

Tak tahu la, rasa malu pun ada.

Pelajar biasa saja. Nanti orang kata berlagak, nak menunjuk pulak.(1A)

Perkara tersebut disokong oleh guru bahawa kanak-kanak terbabit lebih selesa dikenali dan dilayan seperti murid biasa sahaja.

I rasa he don't like la, dia tak suka. Dia suka biasa sahaja (3E)

Selain itu, gelaran pintar cerdas yang dilabelkan kepada responden telah mengganggu ketenteraman emosi dan pergaulan sosial seharian. Perasaan seperti ini menjadi lebih ketara lagi apabila mereka berada dalam tempoh perkembangan sosial, yang mana rakan sebaya menjadi unsur yang kritikal dalam kehidupan sosial mereka.

Penyelidik: Adakah anda rasa, anda salah seorang pelajar pintar?

Responden(1A): Biasa aje

Penyelidik: Apakah perasaan anda dikenali sebagai pelajar pintar?

Responden(1A): Tak tahu, biasa je, malu jugak.

Penyelidik : Adakah anda mahu dikenali sebagai pelajar pintar atau pelajar biasa sahaja? Kenapa?

Responden(1A): Pelajar biasa saja. Nanti orang kata berlagak, nak menunjuk pulak.

Bagi mengelakkan kecacatan dalam hubungan sosial, tidak menghairankan apabila kanak-kanak terbabit menafikan 'kebolehan istimewa' yang dimiliki dan meletakkan diri sebagai kanak-kanak biasa yang kebetulan belajar dan menyukai jenis aktiviti yang berbeza daripada rakan sebaya lain, dan bukannya atas faktor anugerah sebagai kanak-kanak *gifted*.

Mereka macam tak ada cara belajar. Macam saya dah biasa kat rumah, balik sekolah, makan, rehat kejap dan ulang kaji... Kat sana tak, depa banyak sembang dan banyak main-main, rasa macam buang masa je.(1A)

Aspek perbezaan yang dapat dilihat adalah seperti bahan bacaan dan minat. Ini kerana, terdapat perbezaan yang ketara dari segi kandungan bahan bacaan di mana responden berminat terhadap bahan bacaan berbentuk ilmiah seperti ensiklopedia yang menjurus kepada bidang biologi dan perubatan, manakala rakan-rakan seusianya lebih cenderung kepada bahan bacaan berbentuk santai dan komik. Responden juga mempunyai hobi yang berbeza dari kebanyakan rakan-rakan yang lain iaitu membaca dan bermain piano.

... tapi mak selalu belikan buku –buku dan ensiklopedia tentang perubatan dan pembedahan.(1A)

Membaca buku, kadang-kadang main piano (1A)

Dia sentiasa ada beg buku yang dibawanya, walau pun rehat (3F)

Selain itu, gelaran *gifted* juga mengundang risiko apabila mendedahkan pelajar terbabit kepada diskriminasi atau tindakan sosial yang dilakukan oleh rakan sebaya yang lain. Ini berlaku terhadap kanak-kanak tersebut apabila dicemburui dan menjadi sasaran kritikan seperti mana yang dialami oleh responden berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh guru-guru beliau.

Tak pilih sebab tak nampak sikap kepimpinannya. Memang dia pandai, tapi budak lain pun tak suka dia. (3B)

Because, kerana cleavernes, sebab dia pandai, budak buat macam ni dengan dia, mereka tak nak sembang dengan dia, mereka jelouse, because high mark dalam math, english. Dia orang nak compete, but in the negatif way. Tak cakap dengan dia, gaduh, tunjuk muka. Kesian kat dia, bukan salah dia (3E)

Macam, they don't want to talk with him, buat dia marah. I pity dia, kesian dia juga.(3E)

Fenomena ini boleh membuat kanak-kanak tersebut merasa takut atau kurang senang untuk mendedahkan kebolehan intelektual mereka yang sebenar. Alasan tersebut ada asasnya berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan apabila penyelidik tidak mendapati sebarang trait personaliti *gifted* yang istimewa ditunjukkan oleh kanak-kanak tersebut di dalam kelas. Malah trait seperti *ambition* atau *curiosity*, yang biasanya digambarkan oleh kanak-kanak cerdas, tidak kelihatan di dalam pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung.

6.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian yang diperolehi mendapati faktor sendiri seperti gelaran *gifted* menjadi salah satu menyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas. Gelaran *gifted* atau *the little professor* yang diberikan seolah-olah menjadi beban kepada kanak-kanak tersebut. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak terbabit menafikan kebolehan yang dimiliki dan berusaha untuk keluar dari terma yang 'membebankan' itu. Seharusnya unsur stres segera dikawal agar kesan yang negatif tidak berlaku terhadap perkembangan potensi kanak-kanak pintar cerdas pada masa depan. Ini bertepatan dengan pandangan Haberlin (2015) yang menyatakan bahawa terdapat dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas yang menderita mengalami stres di tahap tinggi dan keadaan tersebut boleh mempengaruhi kejayaan atau kejatuhan seseorang kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat sepanjang kehidupan mereka. El-Zraigat (2012) menekankan bahawa kanak-kanak pintar cerdas juga amat memerlukan sokongan emosi (*emotional support*) sebagai faktor pendorong kejayaannya. Ini kerana masalah stres yang dihadapi boleh mempengaruhi potensi bagi seseorang kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat Haberlin (2015).

Oleh sebab itu, satu usaha konkrit harus dilakukan oleh untuk mengawal kesan stres agar perkembangan potensi mereka dapat dibangunkan. Kegagalan mereka merupakan kerugian kepada semua pihak dan menggambarkan kelekaan kita dalam memahami dan melindungi golongan tersebut.

7.0 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat memberikan rujukan dan panduan kepada pengkaji yang berhasrat untuk membuat penyelidikan lanjutan berkaitan penguasaan berbahasa dalam kanak-kanak pintar cerdas di negara ini. Cadangan ini adalah lanjutan dari kajian yang telah dijalankan mendapati kanak-kanak berbakat menghadapi masalah pengucapan dalam aspek berbahasa kesan dari faktor stres. Masalah tersebut berlaku disebabkan kanak-kanak berkenaan tidak mendapat bantuan dan sokongan sepenuhnya dari pihak guru dan juga ibu bapa tentang bagaimana mengawal atau mengatasi serangan stres.

Masalah ini mungkin dapat dielakkan sekiranya pihak guru dan ibu bapa didedahkan dengan latihan dan serta kemahiran terapi stres.

8.0 KESIMPULAN

Hasil dari penyelidikan yang dijalankan mendapati stres yang dialami oleh kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat memberi kesan kepada perkembangan potensi sendiri. Berdasarkan itu, suatu usaha proaktif untuk menangani masalah tersebut harus dilakukan segera agar perkembangan potensi kanak-kanak pintar cerdas dapat dikembangkan ke arah yang lebih positif di masa depan.

RUJUKAN

- Altuntas, E. dan Ilgun, S. (2016) The Term “Gifted Child” From Teachers View. *Academic Journals. Vol. 11(10)*. pp. 957-965.
- Berczi, I. (1997). The Stress Concept: An Historical Perspective of Hans Selye's Contributions. In G. E.-M. Julia C. Buckingham, *Stress, Stress Hormones And The Immune System* (pp. 1-9). New York: John Wiley & Sons.
- Bildiren,A.(2018).The Interest Issues of Gifted Children. *Journal of Education .Vol. 8 (1)*. 17-26
- Braun,V.& Clarke,V.(2013). *Successful Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- Cheek, J. M. (2009). Child Stress. *Maternal substance Abuse and Child Development Project* (pp. 1-5). Atlanta, Georgia: Emory University School of Medicine, Department of Psychiatry and Behavioral Sciences. Capaian: <http://www.emory.edu/MSACD>.
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Qualitative & Quantitative Research*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- David A.W. dan Eric J. (2006). *Behavioral And Emotional Disorder In Adolescents*. New York: The Guilford Press.
- Dolan, A. (2008, Mac 31). From Child Prodigy at Oxford to Prostitute. *Daily Mail* , p. 9.
- El-Zraigat, I.(2012). Counseling Gifted and Talented Students in Jordanian Inclusive Cchools: Conclusion and Implication. *International Journal of Special Education .Vol 27. (2)*. 57-63.
- Eva, R. (2015). Development Of Gifted Education And An Overview Of Gifted Education In The USA, Canada, Equator And Mexico. *Slavonic Pedagogical Studies Journal. Vol.4*. 241 - 247.
- Fernández, E., García, T., Gundín,O.A., Vázquez, A., dan Rodríguez, C. (2017). Identifying Gifted Children: Congruence Among Different IQ Measures. *Frontier In Psychology. Vol.8*.-----
- Forno,F. L, Bahia, S., dan Veiga,F.H.(2015). Gifted Amongst Preschool Children: An Analysis on How Teachers Recognize Giftedness . *International Journal of Technology and Inclusive Education (IJTIE) , Volume 5, (1)*.707-715
- Freeman, J. (2001). *Gifted Children Grow Up*. Great Britain: The Cromwell Press.
- Galbraith dan Delisle. (1996). *The Gifted Kid's Survival Guide: A Teen Handbook*. USA: Free Spirit Publishers.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haberlin, S. (2015) Don't Stress: What Do We Really Know About Teaching Gifted children Cope With Stress and Anxiety?. *Journal Gifted and Talented International. Vol. 30 (1-2)*. 146-151

- Kearney, C.A. (2006). *Case book In Child Behavior Disorders*. Canada: Thomson Highers Educations.
- Keasey, C. T. (1998). Tracing the Lives of Gifted Women. In K. B. Reva C. Friedman, *Historical and Social perspectives on Giftedness* (pp. 17-38). Washington DC: American Psychological Association.
- Kennedy, K., dan Farley, J., (2018). Counseling Gifted Students: School-Based Considerations and Strategies. *International Electronic Journal of Elementary Education*. Volume 10, (3). 361-367
- KOSMO. (2008, Jan 28). Adi Putra. *KOSMO*, p. 5.
- Lazarus S. R, Folkman S, DeLongis A. (1988). The Impact of Daily Stress on Health and Mood. *Journal of personality and Social Psychology*. Vol.54 (3), 486-495.
- Merriam-Webster. (2000). *Merriam-Webster Collegiate Encyclopedia*. Massachusetts, USA: Incorporated Springfield.
- Melgosa, J. (2001). *Gifted and Talented Children*. New York: McGrill Publishing.
- Ozcana, D., Kotek, A. (2014) *What Do The Teachers Think About Gifted Students?*. 2nd Global Conference On Psychology Researches, 28-29, November 2014
- Rice, P. L. (1992). *Stress and Health*. Carlifornia: Brooks/Cole Publishing Company.
- Sampson, C. (2013). Social and emotional issues of gifted young children. *APEX: The New Zealand Journal of Gifted Education*, 18(1). Retrieved from www.giftedchildren.org.nz/apex
- Seeley, K. (1998). *Giftedness in Early Childhood*. In J. Vantassel-Baska, *Gifted & Talented Learners* (pp. 67-81). Denver, Colorado: Love Publishing Company.